

29/01/2003

Sekolah agama rakyat, hukum hudud isu sensitif

A Ghani Nasir

JIKA berada di Kelantan jangan sekali-kali cuba membicarakan soal pelaksanaan hukum hudud tanpa melihat di sekeliling kita terlebih dulu.

Sebabnya, golongan terpelajar atau cendekiawan di Kelantan faham proses memaktubkan sesuatu undang-undang memakan masa yang lama dan agak berliku.

Tambahan pula ia harus selaras dengan kehendak Perlembagaan dan Kerajaan Pusat.

Tetapi bagi penduduk kampung yang berkopiah atau hanya lulus sekolah pondok yang masih ada di beberapa kawasan di Kelantan, sesiapa saja yang berkata hukum hudud tidak boleh dilaksanakan, dia akan terus dicap orang yang menentang hukum Allah, menentang ajaran al-Quran malah lebih buruk lagi mereka dianggap sudah terkeluar daripada Islam atau murtad.

Begitulah sensitifnya soal hukum hudud bagi penduduk Kelantan. Seorang pegawai pendidikan lulusan Pengajian Islam Universiti Malaya memberitahu, beliau dapat menerima hakikat pelaksanaan syariah Islamiah tidak boleh dibuat secara tergesa-gesa.

Walaupun Dewan Undangan Negeri Kelantan sudah pun meluluskan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) pada 1993, ia tidak boleh dilaksanakan berikutan hakikat ia mungkin bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.

"Bagi orang seperti saya, kami dapat menerima hakikat ini dan akur pesanan Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, kita jalan perlahan-lahan," kata pegawai pendidikan itu.

Pokoknya, dalam kempen pilihan raya atau ceramah sesiapa pemimpin Umno yang berani menimbul atau mempersoalkan hukum hudud lebih-lebih lagi ia tidak boleh dilaksanakan, akan menerima padahnya, beliau menambah.

Jelas bahawa usaha Nik Aziz dan Datuk Seri Abdul Hadi Awang menonjolkan perlunya pelaksanaan hukum hudud sebagai pembuka jalan kepada terdirinya negara Islam banyak mempengaruhi penduduk kampung yang menjadi pengundi di Kelantan dan Terengganu.

Satu lagi perkara yang sepatutnya di jauhi adalah isu sekolah agama rakyat (SAR). Ia kini menjadi satu lagi isu sensitif bagi penduduk kampung bukan saja di Kelantan, malah di Terengganu dan juga Kedah.

Walaupun Kerajaan Pusat hanya menghentikan buat sementara saja penyaluran bantuan per kapita kepada SAR dan mengadakan saringan sebelum bantuan diberikan semula, di hampir kebanyakan tempat di Kelantan, sepanduk "Selamat Sekolah Agama" sudah pun dipasang.

Kerajaan Pusat atau lebih tepat lagi Umno digambarkan sebagai golongan yang mahu menutup SAR. Ini amat bertentangan dengan hakikat. Lepas SAR kini menghadapi masa depan tidak menentu. Tetapi dengan penyerapan pelajar SAR ke sekolah menengah kebangsaan atau sekolah menengah kebangsaan agama mereka mendapat peluang untuk mengubah nasib.

Berikutan kurangnya penjelasan berhubung keadaan sebenarnya SAR yang kebanyakannya sama ada daif; tidak beri jaminan kerja kepada lepasannya; guru terdiri daripada kalangan kurang berkelulusan dan sumber pembiayaan yang tidak menentu, menyebabkan penduduk khususnya di Kelantan membuat kesimpulan Kerajaan Pusat mahu menutup SAR.

Pas mengambil kesempatan daripada keadaan ini untuk memburukkan Barisan Nasional (BN) khususnya Umno yang dianggap sebagai Kerajaan Pusat walaupun walaupun kini lebih 10,000 daripada sekitar 30,000 pelajar SAR sudah pun mendaftar di SMKA.

Mengapakah agaknya, soal hukum hudud dan SAR terlalu dekat di hati penduduk Kelantan?

Segala-galanya kerana mereka masih menganggap Kelantan tetap "Serambi Makkah" berikutan wujudnya sekolah pondok yang hanya mengajar pelajaran agama Islam dan ketrampilan Nik Aziz sebagai ulama yang memerintah.

Beberapa ahli politik memberitahu Umno selain menjauhi isu hukum hudud dan SAR perlu menampilkan tokoh setanding Nik Aziz jika mahu merampas tampuk pemerintahan daripada Pas.

Usaha sebelum ini membawa balik bekas Ketua Pengarah Jakim, Datuk Zainal

Abidin Kadir bagi memperkenalkan imej 'agama' di kalangan pemimpin Umno gagal kerana ada kelompok dalam Umno sendiri yang menolak kehadiran pemimpin latar belakang agama di negeri itu.

Tetapi apakah benar Nik Aziz begitu hebat hingga Pas berjaya memerintah negeri itu untuk penggal ketiga mengenyepikan BN sebahagian besar diwakili Umno di peti undi.

Jawapan sering diberikan tidaklah lain iaitu Nik Aziz sendiri terkejut Pas terus dipilih.

Kebanyakan penyokong Pas dan pemerhati berpendapat sebenarnya Umno Kelantan kalah bukan kerana Pas kuat tetapi angkara perpecahan di dalam Umno negeri sendiri.

Kegiatan 'cah keting', kata mereka, banyak berlaku dalam Umno menyebabkan persaingan hebat sering dilihat dalam pemilihan pada peringkat

Ketua Bahagian Umno dan Ketua Pemuda Bahagian.

Kadang kala ia dikatakan lebih hebat lagi berbanding perebutan mendapatkan sokongan dan undi sewaktu pilihan raya umum di Kelantan.

Apatah lagi kini, sejumlah besar wang ada sehingga mencapai RM200,000 diberitakan disalurkan kepada Umno bahagian, sama ada melalui ketua bahagian atau ketua Pemuda bagi melaksanakan projek masyarakat, sekali gus

menjadikan jawatan itu penting dan menjanjikan pelbagai ganjaran.

'Cah keting' adalah istilah dalam dialek Kelantan merujuk kepada perbuatan menjatuhkan pihak atau individu lain dalam persaingan merebut jawatan politik.

Apakah perebutan jawatan dalam Umno negeri sudah berakhir dengan rombakan dalam kepemimpinan diumumkan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini?

Jika pemimpin yang digugurkan dan tokoh 'lama' termasuk yang tidak terpilih menganggotai badan perhubungan benar-benar jujur dalam

perjuangan

membantu Umno merebut Kelantan daripada Pas, kejayaan boleh dicapai kerana

perpecahan pada peringkat bahagian dapat dielakkan.

Bagaimanapun, jika ada pemimpin dan tokoh 'lama' yang berdendam kerana dipinggirkan setelah berjasa dan turun naik dalam politik Umno, percakaran

dan cah keting akan terus menghantui Umno Kelantan.

Lebih jelas lagi, apakah Tengku Razaleigh Hamzah, Datuk Ibrahim Ali, Datuk Annuar Musa dan ramai lagi veteran Umno Kelantan mahu tampil membantu tokoh muda Umno menentang Pas dalam pilihan raya akan datang?

Jika dibicarakan soal perpecahan dalam Umno, ia tidak lagi relevan kerana kesan penubuhan Semangat 46 dan Keadilan - dua parti pecahan Umno

-

boleh dikatakan sudah semakin lesap.

Selain itu, penduduk kampung di Kelantan dikatakan mahu pemimpin yang mereka pilih di peti undi sentiasa berada di dalam negeri dan mudah pula ditemui.

"Selama ini, apabila hendak mengadakan sidang akhbar pemimpin Umno asyik berulang-alik ke Kuala Lumpur dan ramai pula yang mempunyai rumah di ibu negara.

"Ini berbeza dengan pemimpin Pas yang jarang sekali ke Kuala Lumpur. Jika ke sana pun mereka segera pulang ke tengah penduduk," kata seorang pegawai Kelantan.

Pas membentuk kerajaan di Kelantan sejak memenangi pilihan raya umum pada 1990 menyingkirkan kerajaan BN pimpinan Umno manakala Terengganu pula diperintah Pas sejak 2000.

Bagaimanapun, pokoknya dalam membincangkan perkara ini persoalan paling utama harus dijawab terlebih dulu adalah patutkah ulama menjadi ketua kerajaan atau membabitkan diri dalam politik?

Profesor Pengajian Islam, Universiti Temple, Philadelphia, Amerika Syarikat, Dr Mahmoud M. Ayoub, berpendapat ada dua golongan yang tidak sepatutnya menjadi ketua pemerintah.

Mereka adalah panglima tentera dan ulama. Dua golongan ini tidak sepatutnya membabitkan diri dalam politik dan pentadbiran kerajaan.

"Mereka bukanlah golongan terbaik bagi menjadi pemerintah dan bergiat dalam politik. Memerintah bukan tugas ulama. Saya amat menyanjung Iran dan revolusi Islam di sana kerana ia menaikkan semula martabat Islam di mata dunia.

"Apa yang berlaku itu memanglah baik bagi orang Islam tetapi apa dilakukan oleh golongan ulama di Iran adalah salah. Mereka seharusnya menjadi pengawal akhlak masyarakat dan bukan menjadi menteri dalam kerajaan," kata beliau.

Prof Dr Mahmoud memberi contoh tiga ulama besar Islam iaitu Imam Abu Hanifa, pengasas mazhab Hanafi, enggan dilantik memegang jawatan dalam pejabat kehakiman Harun Al-Rashid menyebabkan beliau dipukul hingga mati.

Begitu juga Malik ibni Annas yang tidak menerima perlantikan kerajaan turut didera manakala Imam Ahmad Hambal terpaksa melarikan diri ke Kaherah

setelah menolak tawaran menganggotai kerajaan.

Di Kelantan dan Terengganu Pas kononnya memperjuangkan pembentukan kerajaan berlandaskan Islam, tetapi sejauh manakah kerajaan pimpinan ulama itu berjaya melaksanakan pembangunan sebagaimana diperlukan dalam membina prasarana dan memajukan negeri.

Pastinya, santapan jiwa berupa ceramah agama hanya dapat meningkatkan ketakwaan kepada Allah saja. Ia mesti diimbangi dengan memenuhi keperluan duniawi.

- aghanis50@bharian.com.my